



DARI PEJABAT  
KE PEJABAT

Membawa Masuk Keindahan

# TRADISIONAL KONTEMPORARI



Pejabat urusan Almaz Architect Sdn Bhd yang terletak di bahagian atas deretan bangunan rumah kedai kelihatan biasa sahaja jika dilihat dari luar. Namun sebaik melangkah masuk ke dalam pejabat yang ditubuhkan sejak 1 Julai 1994 ini, pandangan penulis terpesona melihat konsep hiasan dalamnya.

•Oleh HASNITA SAWAL •Foto AHMAD JOHANIF AZMAN



### Ruang lobi

umpama ruang tamu sebuah kediaman. Pemilihan material kayu Kempas sebagai kemasan lantai menerbitkan cita rasa tinggi si pemilik. Sekali lagi penggunaan kaca berbingkai ditonjolkan bagi mengandakan keluasan ruang.



### Letakan sofa polos putih gading

berhampiran pintu masuk bilik Prinsipal berjaya membentuk persekitar ruang yang luas.

**S**ebagai pakar dalam perniagaan perkhidmatan seni bina, Almaz Architect yang dimiliki oleh Puan Almaz Rahim memiliki 16 orang kakitangan yang terdiri daripada arkitek, pelukis pelan dan pentadbiran. Antara projek binaan yang dikendalikan oleh Almaz Architect termasuk bangunan Kementerian Pertanian Wisma Tani, projek perumahan di Bandar Sungai Buaya, TTDI Hills,



IDEA  
MENARIK!



**Pencahayaan**  
yang terhasil daripada lampu siling yang model dan ringkas menyeimbangkan keseluruhan penampakan ruang lobi ini.



**Paling menarik**  
sudah pasti pada pilihan kayu nyah sebagai hiasan dinding yang tampak serasi dengan sofa, yang akhirnya memaui pandangan apabila melangkah pinggal di kawasan ini.

banglo Mutiara Damansara, Alam Damai, Bandar Kinrara, Precint 14 Putrajaya, Glenmarie Shah Alam dan banyak lagi.

Pemiliknya mempunyai kecintaan yang tinggi terhadap ciri-ciri tradisional dan telah menerapkan idea tersebut dalam konsep hiasan dalaman pejabat Almaz Architect. Namun ia digabungkan dengan sentuhan moden kontemporari agar dapat menyuntik kesegaran dan ketenangan tersendiri. Oleh sebab ruang pejabat agak terhad dan cahaya sukar masuk, maka penggunaan cermin dan kaca berbingkai dikatakan dapat memperluaskan ruang dengan mainan ilusi sesiapa yang memandangi.



**Imej kontemporari**  
ketara ditonjolkan dengan pilihan panel kayu potongan ringkas pada dinding. Letakan lekisan berbingkai kayu yang disusun di atas panel tersebut menambahkan lagi gaya eksklusif.



**Laluan utama ini**  
**dilindungi**  
dengan pemilihan kemas lantai daripada "palmiran stone". Susunan batu-bata di sisi laluan secara tidak langsung membentuk titik tumpu pada laluan ini.





### Tumbuhan orkid putih

yang ditanam dalam pot dan diletakkan sebagai hiasan di sebelah dinding yang berwarna kuning polos. Elemen hiasan ini menyuntik kehijauan dan kesegaran dalam bilik ini.



### Keunikan bilik mesyuarat

di pejabat Almar Architect ditonjolkan menerusi konsep tradisional kontemporari. Elemen kayu digunakan dengan maksimum pada bilik ini dapat diperhatikan pada pemilihan meja dan kerusi serta bingkai kaca di dinding dan tingkap.



### Paling menarik Bilik ini menggunakan kaca berbingkai

yang menonjolkan konsep terbuka. Tujuannya untuk memperbanyakkan cahaya masuk dan meluaskan pandangan. Pemilihan kaca yang kalis benyi ini membantu menghindarkan bilik tampak sempit dan sesak.





**Bilik yang terletak bersebelahan ruang lobi dijadikan sebagai pusat sumber.**

Bagi mengelakkan sebuah bilik tertutup yang sempit dan menyesakkan, penggunaan kaca dan cermin pada pemilihan almari buku serta kaca berbingkai menggantikan dinding dapat memperluaskan keadaan kerana ia seolah-olah bermula dengan ilusi.



**Penggunaan kaca berbingkai** menampakkan pandangan dari pusat sumber lebih luas.



**Paling menarik**  
**Idea**  
**Kemasan**  
**dinding ruang**  
penghubung antara bilik mesyuarat dengan ruang lobi memberikan impak tersendiri. Tampilan "pakimanan stone" jelas menyuntik imej tropikal kontemporari.

